



**TAMBAH ILMU:** Peserta program 'Peduli' diberi pendedahan tentang bagaimana boleh bertindak, jika berlaku demensia dalam sesebuah keluarga. – Foto MASJID AR-RAUDHAH

## Khidmat ambil 'Peduli' pesakit demensia

SEBAGAI masjid mesra keluarga dan masyarakat, Masjid Ar-Raudhah turut menyediakan perkhidmatan inklusif untuk menjadi sebuah pusat mesra demensia bagi masyarakat Muslim atau bukan Muslim.

Bermula pada awal tahun 2022, Masjid Ar-Raudhah telah bergerak sebagai 'Dementia Go-To Point' (GTP) dengan menyediakan persekitaran bagi menyokong penghidap demensia melalui penyediaan maklumat, tenaga sokongan dan pusat tumpangan sementara.

Pengerusi Eksekutif Masjid Ar-Raudhah, Ustaz Mohamed Ali Atan berkata: "Masjid kini menjadi pusat penerimaan pesakit atau penghidap demensia yang ditemui orang ramai di mana-mana kawasan awam tanpa penjaga.

"Para pegawai di Masjid Ar-Raudhah akan menguruskan usaha selebihnya untuk menyatukan semula para pesakit demensia dengan keluarga mereka. Langkah-langkah ini dapat meningkatkan keupayaan komuniti untuk mengatasi masalah pesakit demensia dalam masyarakat.

"Dengan penyertaan Masjid Ar-Raudhah sebagai GTP, kami berharap lebih banyak masjid akan tampil untuk menyokong keluarga demensia, seperti mana yang dilakukan oleh Masjid Hussain Sulaiman, Masjid Ahmad dan Masjid Assyakirin," jelas Ustaz Mohamed Ali.

Ketua Jabatan Penglibatan Masyarakat dan Pembangunan Dakwah (CEDD), Ustazah Khamisah Abdul Aziz pula, berkata Masjid Ar-Raudhah memberi komitmen sepenuhnya untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang demensia.

Beliau menyatakan, Ar-Raudhah melancarkan program 'Peduli' untuk mengajak masyarakat peduli tentang warga demensia.

"Pada Disember lalu, program 'Peduli' mendedahkan tentang kepentingan memberi penjagaan sepatutnya kepada orang tersayang yang menghidap sakit demensia.

"Alhamdulillah, sekitar 80 peserta telah mengikuti program 'Peduli' termasuklah para beneficiari zakat Masjid Ar-Raudhah.

Selain memberi kesedaran, program 'Peduli' turut mendedahkan cara bagaimana masyarakat boleh

bertindak, jika berlaku situasi demensia dalam sesebuah keluarga.

"Masjid Ar-Raudhah telah mengundang Pakar Kesihatan Bersekutu Kanan di Kelab Heal, Encik Zainal Abidin Lee, untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan masyarakat terhadap demensia.

"Demensia akan mempengaruhi keadaan, tingkah laku dan aktiviti harian bagi pesakit demensia. Oleh itu, para peserta akan memahami beberapa perubahan tersebut yang dialami warga demensia," kata Ustazah Khamisah.

Pihak masjid turut menghantar warga kerja dan sukarelawan untuk menjalani dua latihan berkaitan kesedaran asas dan komunikasi demensia di Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) pada 2021.

Ustazah Khamisah menambah: "Pada tahun lalu, Masjid Ar-Raudhah juga pernah menganjurkan Bengkel Kesedaran Demensia dan Kesedaran Kesihatan Mental. Selain dengan AIC, Masjid Ar-Raudhah menekankan empat program Jaga Kesihatan Jaga Ummah (JKJU) lain yang berkaitan cara mengatasi stres kerana stres menjadi salah satu punca demensia."

### CARA MENYUMBANG

- PayNow ke: UEN S93MQ0024E. Isikan "Infak MUP" dalam ruangan rujukan. Selepas membuat sumbangan, sila WhatsApp ke talian 9461-4306.
- Pemindahan akaun: Akaun semasa OCBC 501-806368-001
- Cek atas nama: Lembaga Pentadbir Masjid Ar-Raudhah yang beralamat 30 Bukit Batok East Avenue 2, Singapura 659919.
- Imbas kod QR yang disediakan di bawah ini.

